

UM 19 DEC 2002

## Dr. Mahathir, PM Thailand rasmi Projek Sambungtara 300/600 MW HVDC Sabtu ini

ALOR STAR 18 Dis. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Thailand, Thaksin Shinawatra dijadual merasmikan Projek Sambungtara 300/600 MW HVDC Malaysia-Thailand di Gurun, Sabtu ini.

Menurut kenyataan Tenaga Nasional Berhad (TNB) hari-ini, majlis perasmian projek stesen tenaga itu akan berlangsung pada pukul 5 petang di Dewan Majlis Perbandaran Kota Setar (MPKS) di sini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Pengerusi TNB yang baru, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dijangka menghadiri majlis tersebut.

Stesen Sambungtara HVDC (Arus Langsung Bervoltan Tinggi) Gurun itu merupakan projek kerjasama TNB dengan Pihak Berkuasa Bekalan Elektrik Thailand (EGAT).

Ia merupakan stesen pengubah pertama di negara ini yang disambung ke Thailand dan stesen itu terletak di atas kawasan seluas 48 hektar dan antara yang terbesar di dunia.

Projek itu dibina dengan kos RM400 juta melibatkan pencawang 275 KV dan akan dipertingkatkan daripada 300 MW kepada 600 MW dengan kos RM600 juta yang disambung ke stesen HVDC di Ban Khlong Ngae di selatan Thailand.

Dr. Mahathir dan Thaksin bersama menteri-menteri Kabinet kedua negara kemudian akan menghadiri Majlis Rumah Terbuka Malaysia bersama Yang di-Pertuan Agong dan Sultan Kedah pada sebelah malamnya di Taman Tema Bandar Darulaman, Jitra.

Sementara itu, Setiausaha UMNO Bahagian Kubang Pasu, Shamsuddin Ahmad memberitahu, sebelum itu Dr. Mahathir akan mengadakan lawatan kerja ke kawasan Parlimen Kubang Pasu pada hari yang sama Sabtu ini.

Pada sebelah pagi, Dr. Mahathir dan isteri, Datuk Seri Dr. Siti Hasmah Mohamad Ali dijadual melawat kompleks rumah guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Kayu Hitam dan melawat tapak projek kampung tradisional Mukim Temin di Jalan Sintok.

Kata Shamsuddin, Perdana Menteri dan isteri kemudian mengadakan majlis jamuan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Wawasan di Jalan Changlun.

Di sebelah petangnya, kata Shamsuddin, Dr. Mahathir dijadual merasmikan Muzium Batu Lye Huat Garden di Pekan Napoh.

Keesokannya, Dr. Mahathir dan rombongan dari Malaysia akan melawat Hadyai atas jemputan Perdana Menteri Thailand.